

**DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2014)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH  
[ SETIU]**

**TARIKH : 25 NOVEMBER 2014**

**SOALAN :**

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [ Setiu ] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mengkaji semula prosedur dalam pengagihan bantuan zakat di samping meningkatkan jumlah bagi setiap jenis bantuan serta menyelaraskan prosedur tersebut ke seluruh negara bagi membolehkan golongan yang kurang bernasib baik dibela sewajarnya.

**JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, di bawah Butiran 1, Senarai 2, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan, hal-ehwal Agama Islam termasuklah urusan zakat terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Oleh itu, pelaksanaan aktiviti agihan zakat adalah berbeza mengikut setiap negeri berdasarkan dasar dan pertimbangan pihak berkuasa agama negeri masing-masing dan Kerajaan Persekutuan tidak boleh mencampuri urusan dalam perkara berkenaan.

- d) membuka Pusat Agihan Zakat (PAZA) di beberapa lokasi strategik di sekitar Wilayah Persekutuan bertujuan memudahkan golongan yang kurang berkemampuan memohon bantuan zakat di mana para pemohon tidak lagi perlu datang ke ibu pejabat dan semua proses permohonan dibuat di PAZA;
- e) meningkatkan kadar pengiraan Had al-Kifayah dan jumlah bantuan bagi setiap skim selari dengan peningkatan kos sara hidup; dan
- f) mewujudkan talian bebas tol talian bebas tol 1-800-88-5222 dan hotline 012-5183614 dan 012-5127614 bagi memudahkan orang ramai khususnya golongan asnaf berurusan dengan Baitulmal MAIWP dan melaporkan mereka yang dalam kesusahan.

Bagi membolehkan orang ramai mengetahui proses permohonan bantuan zakat yang dilaksanakan, MAIWP telah menerbitkan Buku Panduan Proses Permohonan Skim Bantuan Zakat Baitulmal MAIWP yang mana buku ini menjelaskan prosedur yang dilalui dan tempoh masa yang diambil. Di samping itu juga, jumlah bantuan dan kadar Had al-Kifayah juga sentiasa dikaji setiap 2 hingga 3 tahun agar ia relevan dengan perubahan semasa.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS TAHUN 2014  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DR. MICHAEL JEYAKUMAR  
DEVARAJ**

**TARIKH : 25.11.2014**

**SOALAN : 14**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN  
WILAYAH** menyatakan :-

Sama ada Kerajaan bercadang mengubahsuai Akta 134 Orang Asli 1954 untuk mewujudkan kategori pemilikan tanah yang membolehkan sesebuah kampung Orang Asli memiliki satu kawasan tanah secara kolektif.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan sememangnya bercadang untuk membuat pindaan terhadap Akta Orang Asli 1954 (Akta 134) semakan 1974. Cadangan pindaan ini bertujuan untuk menambahbaik peruntukan sedia ada di samping menjaga kepentingan masyarakat Orang Asli. Perkara-perkara yang akan ditambah baik meliputi perkara berkaitan takrifan Orang Asli, pentadbiran Orang Asli, dan juga tanah Orang Asli sejajar dengan keperluan semasa.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, pemilikan tanah yang membolehkan sesebuah kampung Orang Asli memiliki satu kawasan tanah secara kolektif telah sedia termaktub di bawah seksyen 6, seksyen 7, seksyen 8 dan seksyen 19 dalam Akta 134 Akta Orang Asli 1954.

Walaupun bagaimanapun bagi penyediaan draf pindaan Akta 134 yang komprehensif, JAKOA akan mengadakan

konsultasi dengan kementerian dan agensi kerajaan yang berkepentingan. Di samping itu JAKOA juga akan mengadakan sesi konsultasi khusus dengan masyarakat Orang Asli yang meliputi tokoh masyarakat, profesional dan cerdik pandai Orang Asli, pemimpin Orang Asli, Badan Bukan Kerajaan (NGO) Orang Asli, usahawan Orang Asli dan Orang Asli berjaya bagi mendapatkan pandangan akar umbi berkaitan keperluan Orang Asli masa kini. Ini bagi memastikan bahawa pindaan Akta 134 selari dengan dasar-dasar semasa Kerajaan di samping menjamin hak dan kepentingan masyarakat Orang Asli terpelihara.